

D348

U B207 DEB
MAHATHIR - SIVIK

SEREMBAN, 2 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BETAPA PENTINGNYA MATAPELAJARAN SIVIK DIADAKAN DI SEMUA INSTITITUSI PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI UNTUK MELAHIRKAN GOLONGAN TERPELAJAR YANG LEBIH BERTANGGUNGJAWAB.

DENGAN ADANYA MATA PELAJARAN INI, IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGHASILKAN RAKYAT BERDISIPLIN YANG LEBIH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBINA NEGARA SERTA DAPAT MENGAMBILALIH NEGARA INI KEMUDIANNYA, KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN INI SEWAKTU BERUCAP MERASMIKAN UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS KOLEJ TEKNOLOGI TUN ABDUL RAZAK (KOTTAR), IAITU SEBUAH KOLEJ ANJURAN MIC, YANG BERTARIFA \$10 JUTA DI SIKAMAT DI BINI.

+KALAU KITA DAPAT BERJAYA MELATIHKAN PENUNTUT-PENUNTUT KITA SEHINGGA MEMPUNYAI ILMU YANG TINGGI, TETAPI DISEBALIKNYA MEREKA TIDAK TAHU AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA KEPADA MASYARAKAT, AKAN BETAPA PENTINGNYA MEREKA TIDAK MENJADI MASALAH KEPADA NEGARA, MAKA SEGALA ILMU YANG MEREKA PEROLEHI TIDAK AKAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA NEGARA DAN DIRI SENDIRI,+ KATANYA.

KATANYA, MASYARAKAT DAPAT MELIHAT DI BANYAK NEGARA LAIN PELBAGAI JENIS RUSUHAN BERLAKU WALAUPUN DI NEGARA MEMBANGUN YANG TELAH MENCAPAI KEMAJUAN, IA TERPAKSA MENGHADAPI CABARAN KERANA GERAK-GERI PENUNTUT YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. -- LAGI.

1117MST 02 07 88

D350

R B209 DEB
MAHATHIR - SIVIK 2 SEREMBAN

PEMBANGUNAN NEGARA YANG SEPARUH MAJU TERJEJAS KERANA KEGIATAN-KEGIATAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI MENGADAKAN DEMONSTRASI DAN RUSUHAN DI ATAS JALAN RAYA DAN SEBAGAINYA.

MENGENAI KOTTAR, BELIAU BERKATA, SEMEMANGNYA MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MEMBERI LEBIH BANYAK PELUANG KEPADA PIHAK SWASTA ATAU PIHAK BUKAN KERAJAAN UNTUK MENUBUHKAN KOLEJ-KOLEJ UNTUK MEMBERI PELAJARAN TINGGI ATAU PELAJARAN YANG KHUSUS KEPADA PENGGUNA DAN PENGUNDI DI NEGARA INI.

KOTTAR ADALAH DIANTARA KOLEJ YANG TELAH DITUBUHKAN DI BAWAH DASAR INI, DAN BELIAU BERBANGGA KERANA MIC TELAH MENGAMBIL PELUANG MENUBUHKAN INSTITUSI INI.

+SAYA PERCAYA MENGIKUT DASAR MIC, IA TIDAK AKAN MENGHADKAN KOLEJ INI KEPADA ORANG-ORANG KETURUNAN INDIA SAHAJA, SEPERTI BIASA PARTI INI AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA KAUM-KAUM LAIN JUGA UNTUK BELAJAR DI INSTITUSI INI,+ TAMBAHNYA.

SIKAP INI HARUS MENJADI CONTOH BUKAN SAHAJA KEPADA KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI MALAH KEPADA KERAJAAN SENDIRI.

+SAYA BERPENDAPAT BAHAWA UNTUK MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG BERSATU PADU, DIDIKAN DAN KEMAHIRAN BELAJAR BERSAMA-SAMA AMATLAH PENTING, KALAU KITA BERSAMA-SAMA SEMASA BELAJAR, PERSAHABATAN YANG TELAH DIJALIN DAPAT DITERUSKAN UNTUK MERAPATKAN PERHUBUNGAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI,+ KATANYA.

-- LAGI

1131MST 02 07 88

0351

R 8210 DEB

MAHATHIR - SIVIK 3 SEREMBAN

PERDANA MENTERI BERKATA, KOTTAR AKAN TETAP BERGUNA KEPADA MEREKA YANG BERPELUANG BELAJAR DI SITU TETAPI AMATLAH PENTING MEREKA TIDAK HANYA MENDAPAT PENGETAHUAN TEKNIKAL TETAPI MEREKA HARUS JUGA BELAJAR UNTUK MENGENAL DENGAN LEBIH DEKAT MENGENAI NEGARA INI.

IA JUGA HARUS DIJADIKAN TEMPAT UNTUK MEMUPUK PERASAAN KASIH SAYANG KEPADA NEGARA, PERSAUDARAAN ANTARA KAUM DAN PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI SENDIRI SERTA MASYARAKAT.

+SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN MIC MENGUSAHAKAN SEBUAH KOLEJ UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT PADA KESELURUHANNYA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIANNYA MENARIK TIRAI BATU ASAS KOLEJ ITU DAN MENYAKSIKAN MODEL ARKITEK KOLEJ ITU.

KETIBAAN PERDANA MENTERI KE TAPAK KOTTAR TELAH DIBERIKAN SAMBUTAN TRADISIONAL YANG PENUH BERWARNA-WARNI.

TURUT SAMA PADA MAJLIS ITU IALAH, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD ISA DATUK HAJI ABDUL SAMAD, PRESIDEN MIC YANG JUGA MENTERI KERJA RAYA, DATUK S. SAMY VELLU, PRESIDEN GERAKAN DATUK DR. LIM KENG YAIK, SERTA ORANG-ORANG KENAMAAN NEGARA DAN NEGERI. --BERNAMA

1134MST 02 07 88